

**KONSEP INTEGRASI ILMU MENURUT PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM**  
*The Concept Integration of Knowledge According Western and Islamic Perspectives*

<sup>1</sup>Zetty Nurzuliana Rashed & <sup>2</sup>Siti Suhaila Ihwani  
zetty@kuis.edu.my

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS  
<sup>2</sup>Universiti Teknologi Malaysia, UTM

**ABSTRAK**

Artikel ini mengupas tentang konsep integrasi ilmu menurut perspektif Barat dan Islam. Konsep integrasi atau kesepaduan ini berkait dengan satu himpunan konsep hubungkait, cantuman, saling hubungan, gabung jalin, penyambungan, kesinambungan, penyelarasan, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, kesalingbergantungan dan penyatuan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang mana melibatkan analisis dokumen terhadap sumber-sumber yang menerangkan tentang konsep integrasi ilmu. Konsep-konsep integrasi ini dalam artikel ini berkait rapat dengan pemahaman terhadap pendidikan di mana pendidikan mewujudkan interaksi bukan sahaja antara manusia, malahan juga interaksi dengan alam. Konsep bersepadu ini memandu manusia di dalam perlakuan dan perbuatan seharian. Ini berlaku apabila paksi kepada konsep sepadu adalah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah. Justeru, konsep bersepadu dalam pendidikan sesuai untuk diterjemahkan ke dalam proses integrasi komponen perubahan iaitu pendidikan, kurikulum dan masyarakat. Diharapkan menerusi proses pengintegrasian ini nanti generasi yang akan dihasilkan kelak dapat menghadapi sebarang cabaran yang mendatang sama ada dari dalam atau luar negara.

**Kata kunci:** integrasi ilmu, kesepaduan.

Received: 4 May 2018

Revised: 28 August 2018

Accepted: 25 October 2018

**ABSTRACT**

*A concept is an idea that clearly stated and produced out of a particular model. A concept provides us with ways to see the world and it is important to define a problem in a study. The concept of integration relates to a set of concept of interrelationship, combination, mutual relationship, coherence, connection, continuity, alignment, relation, connection, interaction, cooperation, cross-discipline, interdependent and unification. This study uses the library study method which involves documents analysis against sources that describes the concept of knowledge integration. The integration concepts are discussed in an in-depth manner according to the view of Western and Islamic scholars in this paper.*

**Keywords:** *knowledge integration, integration.*

## 1.0 PENDAHULUAN

Konsep merupakan idea yang jelas dinyatakan dan lahir daripada model tertentu. Konsep memberikan kita cara-cara melihat dunia dan ianya penting untuk mendefinisikan masalah kajian. Marton (1981) menyatakan konsep merupakan gagasan yang wujud dalam dunia yang nyata dari segi perlakuan mental dan ditampilkan oleh seseorang yang melakukan sesuatu dalam latar tertentu. Menurut Pring (1976) memiliki sesuatu konsep bermaksud berupaya menyatukan semua aspek pengalaman seseorang dan ini melibatkan seseorang individu tersebut berupaya menghubungkaitkan sesuatu konsep yang lain dalam satu kerangka yang bersepadu. Prinsip pula merupakan asas atau dasar pembentukkan sesuatu pengetahuan. Manakala model adalah kerangka yang menyeluruh tentang bagaimana kita melihat realiti. Ia akan menjelaskan tentang apa yang dikatakan realiti dan unsur-unsur asas yang terkandung dalam realiti (soal ontologi) serta apakah bentuk dan status pengetahuan (soal epistemologi) (Othman Lebar, 2012).

Konsep integrasi ini dijelaskan menurut perspektif Barat dan Islam supaya dapat memberi kefahaman yang jitu kepada pembaca. Konsep integrasi atau kesepaduan bukanlah sesuatu perkara yang baru dan pentafsirannya adalah pelbagai bergantung kepada konteks, pendekatan, aliran pemikiran dan latar belakang agama.

## 2.0 KONSEP INTEGRASI: PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM

Pendidikan merupakan suatu perkara yang amat penting dan mencabar dalam kehidupan manusia. Tanpa pendidikan manusia tidak akan mengenal huruf, tidak mampu membaca dengan baik dan tidak mungkin mempunyai pengetahuan sama ada secara formal ataupun informal. Tuntutan supaya menuntut ilmu ini ternyata mempunyai nilai yang amat tinggi bilamana ayat al-Quran yang mula-mula sekali diturunkan kepada Rasulullah SAW adalah berkenaan kepentingan menuntut ilmu. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Alaq, (96:1-5) yang bermaksud:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Abdullah Basmeih, 2001).

Konsep integrasi atau kesepaduan ini berkait dengan satu himpunan konsep hubungkait, cantuman, saling hubungan, gabung jalin, penyambungan, kesinambungan, penyelarasan, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, kesalingbergantungan dan penyatuan (Ingram, 1979) dalam Noor Hisham (2015).

Pengintegrasian ilmu atau pendidikan bersepadu menurut Syed Naquib Al-Attas (1981) dikenali sebagai konsep pendidikan bersepadu apabila beliau mula memperkenalkan konsep '*pengislaman ilmu*'. Menurut al-Attas ilmu terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu yang diberi oleh Allah SWT dan ilmu yang diperolehi oleh insan berdasarkan kepada usaha *aqliahnya* sendiri. Al-Faruqi (1989) juga menjelaskan pengislaman ilmu pengetahuan adalah penting sebagai satu gerak kerja bagi menyatupadukan kedua-dua sistem pendidikan iaitu moden dan Islam. Di mana-mana bidang ilmu sama ada pemikiran, kemanusiaan, sains kemasyarakatan ataupun sains tulen perlu diberi satu perubahan yang menyeluruh dengan diberikan dasar Islam, diletakkan matlamat yang selaras dengan Islam, disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif serta aspirasinya. Al-Attas dan Al-Faruqi (1982) juga menjelaskan peranan Islamisasi ilmu menangani permasalahan dualisme yang menguasai pemikiran dan kehidupan masyarakat Islam.


Berdasarkan Forum Pendidikan Bersepadu (1984), Tajul Ariffin dan Abdul Raof Dalip (1986) merumuskan takrif pendidikan sepadu sebagai pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan Hadith di samping adanya integrasi disiplin-disiplin ilmu ke arah membina komuniti ummah yang berteraskan akidah.

Abd. Halim El-Muhammady (1985) telah menjelaskan bahawa pendidikan bersepadu merupakan satu proses mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah dan rohaniah manusia berasaskan

kepada nilai-nilai Islam bersumberkan wahyu Allah SWT iaitu al-Quran dan as-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Manakala Shahrir Mohd Zain dan Abd. Latif (1987) telah menyatakan bahawa pendidikan sepadu sebagai '*pendidikan yang terkamir*' yang bermaksud pendidikan yang menekankan kepada kesatuan ilmu pengetahuan dan bukannya pendidikan yang khusus dan sempit. Dengan adanya usaha menjaga kepentingan jasmani dan rohani, penerapan ilmu dan pembentuk sikap, seseorang itu menjadi insaf serta dapat berfikir dengan matang sesuai dengan fitrahnya yang suci. Tuntutan Allah SWT supaya ilmu dan pemikiran manusia diintegrasikan dengan iman kepada Allah SWT adalah bertujuan membolehkan para ilmuwan, para sarjana, pemikir dan intelektual membangunkan diri, masyarakat dan alam ini selaras dengan usaha mengabdikan diri kepada Allah SWT serta menyempurnakan amanah sebagai khalifah Allah SWT (Mohd Kamal Hasan, 1985).

Kemudiannya Tajul Ariffin (1988) seterusnya mentakrifkan pendidikan sepadu sebagai gabungan pendidikan moden dan pendidikan Islam tradisional. Pendidikan sepadu dikaitkan dengan keperluan manusia untuk menjalinkan hubungan secara vertikal (Tuhan) dan horizontal (sesama manusia dan dirinya sendiri serta makhluk lain). Untuk itu, manusia perlu mempelajari ilmu agama, ilmu kemanusiaan dan ilmu sains tabii. Ketiga-tiga jenis ilmu ini penting bagi membolehkan manusia menjayakan perhubungan yang betul dan harmonis dengan Tuhan Maha Pencipta, dirinya sendiri dan manusia lain serta alamnya.

Rajah 1 menunjukkan komponen utama dalam konsep bersepadu sebagaimana yang disyorkan oleh Tajul Ariffin (1993). Rajah tersebut secara langsung membuat perkaitan di antara hubungan manusia dengan Pencipta iaitu Allah SWT, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Sebenarnya, semua ciptaan Allah SWT mempunyai perkaitan yang tersendiri dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Bagaimanapun kunci kepada keberhasilan perkaitan tersebut sudah tentu berfokus kepada kurikulum yang dinamik dan berpaksikan konsep pendidikan sepadu dan perancangan pendidikan yang holistik. Dengan erti kata lain, kurikulum dan pendidikan boleh memandu manusia ke arah mengenal diri dan mengetahui tanggungjawab kepada Pencipta (Tajul Ariffin, 1993).



Rajah 1: Komponen utama Konsep Bersepadu  
Sumber Tajul Ariifin (1993).

Seperkara lagi, apabila telah terbina pemahaman sendiri dan kenal tanggungjawab terhadap Pencipta, manusia secara langsung akan menjaga hubungan yang baik dan murni sesama manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Ini berkait rapat dengan pemahaman terhadap pendidikan di mana pendidikan mewujudkan interaksi bukan sahaja antara manusia, malahan juga interaksi dengan alam. Konsep bersepadu ini memandu manusia di dalam perlakuan dan perbuatan seharian. Ini berlaku apabila paksi kepada konsep sepadu adalah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah. Justeru, konsep bersepadu dalam pendidikan sesuai untuk diterjemahkan ke dalam proses integrasi komponen perubahan iaitu pendidikan, kurikulum dan masyarakat. Dalam mendepani arus modenisasi di dalam sistem pendidikan negara, wujud keperluan untuk mempercepatkan proses pengintegrasian antara ketiga-tiga komponen. Diharapkan menerusi proses pengintegrasian ini nanti generasi yang akan dihasilkan kelak dapat menghadapi sebarang cabaran yang mendatang sama ada dari dalam atau luar negara.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PKK) (1990) mentakrifkan pendidikan bersepadu sebagai usaha berterusan yang menyepadukan proses penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran

dan bahasa serta pemupukkan nilai-nilai murni secara menyeluruh berlandaskan konsep pendidikan seumur hidup. Intisari konsep bersepadu ini telah diterima sebagai komponen dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang disuratkan pada tahun 1987 (Tajul Ariffin dan Noor 'Aini, 2002b). Sehubungan itu, Falsafah Pendidikan Islam (FPI) telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1987) seperti berikut:

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi di akhirat.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987).

Sejajar dengan FPI di atas maka Kurikulum Pendidikan Islam KBSM dibina berasaskan hakikat bahawa Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup harian seorang Muslim (Wan Mohd Zahid, 1993 & Kementerian Pendidikan Malaysia 1997, 2002). Berdasarkan kesedaran ini maka Pendidikan Islam KBSM menekankan aspek ilmu, amalan dan penghayatan. Oleh itu kurikulum Pendidikan Islam KBSM memberi tumpuan kepada aspek akidah, ibadat dan akhlak yang terkandung dalam tiga bidang iaitu pembelajaran tilawah al-Quran dan Hadith, pembelajaran '*Ulum Syar'iyah*' dan pembelajaran Adab berteraskan Akhlak Islamiah.

Di samping itu, konsep kesepaduan dalam pendidikan bersepadu ini juga merujuk kepada kesepaduan pengalaman antara mata pelajaran. Kesepaduan ini mengkehendaki para guru bersedia untuk mengaitkan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mata pelajaran lain. Ini bermakna guru perlu mengetahui jenis-jenis maklumat, kemahiran dan konsep sesuatu mata pelajaran yang boleh dikaitkan dengan mata pelajaran lain dan bagaimana melakukannya (Musa Daia, 1993).

Menurut Nik Azis (1994), pendidikan bersepadu merujuk kepada pendidikan yang memberi fokus kepada saling hubungan iaitu saling hubungan antara tubuh, pemikiran dan rohani; saling hubungan antara tanggungjawab kepada Pencipta, diri sendiri, persekitaran dan

komuniti; saling hubungan antara pelbagai domain ilmu pengetahuan. Zawawi Ahmad (1996) menyatakan pendidikan bersepadu menurut Islam ialah pendidikan yang menghubungkan prinsip mengenal Tuhan, alam dan diri secara serentak. Zawawi juga menyatakan proses pendidikan tidak hanya tertumpu kepada usaha menjaga kepentingan jasmani sahaja, tetapi juga membentuk jiwa, intelektual dan emosi seseorang supaya teratur, serasi, dan sesuai dengan kehendak *insaniah*. Di samping itu kepentingan menjaga jasmani dan rohani, proses ini juga ditumpukan untuk menghasilkan ilmu pengetahuan dalam fikiran seseorang serta membentuk sikapnya melalui bimbingan dan tunjuk ajar.

Kurikulum bersepadu mengikut konsep Islam bukanlah sekadar memasukkan semua jenis ilmu pengetahuan ke dalam kurikulum induk dengan setiap matapelajaran, tetapi bersepadu sebenarnya adalah semua jenis pengetahuan sama ada teori atau amali, sama ada berunsur keduniaan atau akhirat yang bersifat kait mengait, di mana kedua-duanya membekalkan unsur akidah, syariah dan akhlak yang saling mempengaruhi bagi mendorong keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (Abdullah Ishak, 1995). Habsah (2000) mendefinisikan pendidikan bersepadu sebagai pendidikan yang berpaksikan ketuhanan dan bertujuan menghasilkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani. Usaha ke arah mencapai matlamat ini dibuat melalui penyepaduan ilmu pengetahuan, nilai murni dan akhlak, situasi pengajaran dan pembelajaran bersepadu yang merangkumi aspek kemahiran, bahasa, ko-kurikulum dan budaya sekolah.

Mohamad Natsir (2003) menjelaskan bahawa pendidikan bersepadu mengutamakan aspek tauhid pada kedudukan yang tinggi dan istimewa dalam pendidikan dengan tujuan pendidikan yang diajar kepada anak didik adalah pendidikan yang sesuai dengan ajaran Allah SWT. Sistem pendidikan di Malaysia mencatatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa kali reformasi penting bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kemampuan sistem pendidikan negara untuk memenuhi keperluan semasa dan menangani cabaran masa hadapan (Nik Azis, 1994). Aspek reformasi terpenting dalam sistem pendidikan adalah perubahan orientasi yang bermatlamatkan sistem pendidikan negara kepada yang berpaksikan ketuhanan yang meletakkan persoalan rohani, nilai, akhlak dan agama sebagai teras dalam sistem pendidikan negara yang sebelum ini terlalu menekankan perkembangan intelek (Habsah 2000; Shahrin dan Mohd Arip Kasmu, 2002).



Tajul Ariffin (2002) juga menjelaskan konsep integrasi ilmu atau kesepaduan ilmu ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kesepaduan intra dan kesepaduan inter. Kesepaduan intra bermaksud kesepaduan antara pelbagai komponen di dalam isi kandungan Pendidikan Islam yang dapat membina kekuatan dalaman. Kesepaduan intra tersebut akan melahirkan kefahaman tasawwur Islam yang jelas, diikuti dengan amalan yang benar dan menghasilkan peribadi yang seimbang dan harmoni. Manakala kesepaduan inter pula bermaksud roh pendidikan Islam hendaklah dihayati secara sepadu ke dalam kurikulum mata pelajaran lain. Ia bermaksud keupayaan seseorang individu untuk meletakkan semua maklumat yang diperolehi dan ilmu yang dipelajari dalam kerangka epistemologi ilmu yang berpaksikan prinsip tauhid. Untuk melaksanakan kesepaduan inter kesepaduan intra perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

Namun begitu, Abdul Rahim dan Azharul Nizam (2007) menyatakan konsep pendidikan bersepadu ini agak abstrak dari segi matlamatnya dan agak sukar bagi mendapatkan buku tentang konsep pendidikan bersepadu dalam kalangan guru. Dengan itu, untuk mencapai tujuan ini mesti ada perubahan kurikulum yang berdasarkan prinsip tauhid dengan menggunakan kaedah sains. Jika tiada perubahan, guru perlu menguasai maklumat berkaitan falsafah, rasional, sukatan pelajaran dan isi kurikulum menggunakan konsep kesepaduan berasaskan elemen tauhid dalam pengajaran mereka. Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad (2010) menyatakan konsep kesepaduan dalam kurikulum sangat bergantung pada kaedah dan pendekatan guru dalam pengajaran mereka demi menjamin keberkesanan pelaksanaannya.

Kesepaduan ilmu dalam Islam bermaksud menyatupadukan pelbagai aspek kehidupan manusia merangkumi aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi. Manakala falsafah kesepaduan ilmu dalam Islam bertunjangkan kepada konsep ilmu dan amal, intipatinya ialah penggabungan dan kesepaduan ilmu fardhu ain dengan ilmu fardhu kifayah dan ilmu *naqli* dengan ilmu *aqliyah*, manakala kaedahnya ialah penyaluran ilmu dari hati dan kemudian hatilah yang mendidik akal (Nasruddin et al., 2007). Kesepaduan ilmu dalam kajian ini merujuk kepada kesepaduan antara ilmu *aqli* iaitu ilmu sains tabii dan ilmu sains kemasyarakatan dengan ilmu *naqli* iaitu al-Quran

yang berpaksikan akidah yang benar dan menghasilkan generasi al-Quran yang mempunyai peribadi yang seimbang dan harmoni.

Menurut perspektif Barat pula, Gerber (1984) *holistic* didefinisikan sebagai penekanan terhadap hubungan organik atau berfungsi antara bahagian-bahagian dengan keseluruhan. Menurut Miller (1987) pendidikan holistik adalah sebagai satu falsafah hidup yang mempunyai sekurang-kurangnya empat ciri iaitu:

- i. Usaha untuk menyuburkan perkembangan insan secara menyeluruh.
- ii. Melibatkan hubungan baru antara guru dan pelajar bagi menggantikan amalan ketaksuban kepada guru dengan dialog, kerjasama, persahabatan dan penghormatan.
- iii. Merupakan wawasan kerohanian lebih kepada kebendaan.
- iv. Sekurang-kurangnya secara implisit, merupakan perspektif kritis terhadap budaya moden dan bertentangan dengan kecenderungan hedonistik wawasan Barat.

Clark (1993) mendefinisikan *holistic education* berdasarkan beberapa andaian yang dikaitkan dengan pelajar, proses pemikiran, proses pengajaran dan pembelajaran, ilmu pengetahuan dalam kurikulum dan pentadbiran organisasi sekolah. Miller (2005), berpendapat pendidikan holistik merupakan suatu falsafah pendidikan yang terwujud daripada pemikiran bahawa pada dasarnya seorang individu dapat menemukan identiti, makna dan tujuan hidup melalui hubungannya dengan masyarakat, lingkungan alam, dan nilai-nilai spiritual. Pendidikan holistik ini berkeupayaan menanam kecintaan terhadap pembelajaran.

Tujuan pendidikan holistik adalah membantu mengembangkan potensi individu dalam suasana pembelajaran yang lebih menyenangkan dan mengghairahkan, demoktarik dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan melalui pengalaman dalam berinteraksi dengan persekitarannya. Melalui pendidikan holistik juga, pelajar diharapkan dapat menjadi dirinya sendiri dalam erti kata lain dapat memperoleh kebebasan psikologi, mengambil keputusan yang baik, belajar melalui cara yang sesuai dengan dirinya, memperoleh kecekapan sosial, serta dapat mengembangkan karakter dan emosionalnya (Basil Bernstein, 2000). Pendidikan holistik dapat diaplikasikan dalam proses pembelajaran dengan beberapa cara, di antaranya dengan menerapkan *integrated learning* atau pembelajaran terintegrasi atau terpadu iaitu suatu

pembelajaran yang menggabungkan berbagai elemen yang berkaitan holistik dalam satu bidang pembelajaran. Tujuan pembelajaran ini adalah agar pelajar memahami kaitan di antara satu elemen dengan elemen lainnya, iaitu antara satu mata pelajaran dengan mata pelajaran lain yang boleh diaplikasikan dengan pengalaman hidup mereka.

Matlamat utama pendidikan holistik Barat ialah pencapaian akal rasional yang dimanifestasikan melalui nilai, ilmu, kerohanian, kefahaman tentang alam jagat. Kefahaman terhadap konsep Pencipta juga cuba difahami melalui pemikiran rasional yang bersandarkan akal dan bukti saintifik. Mengenai realiti alam jagat, pendidikan holistik mengasaskan kefahaman mengenai alam berteraskan konsep pluralisme iaitu konsep pencipta yang dimanifestasikan dalam pelbagai sifat dan bentuk (Habsah, 2000). Konsep ini bertentangan dengan akidah Islam yang berpaksikan prinsip tauhid.

### **3.0 KESIMPULAN**

Konsep integrasi ini dapat disimpulkan membawa maksud dan pendekatan yang berbeza mengikut pandangan sarjana Barat dan sarjana Islam. Konsep integrasi atau holistik ini berbeza sama sekali dengan takrifan Barat. Dalam Islam, konsep integrasi ini berpaksikan prinsip tauhid, manakala konsep integrasi Barat pula berpaksikan perspektif sekular dan materialis. Konsep ini memberi pemahaman yang lebih jelas tentang integrasi ilmu dan hubungannya dengan pengajaran. Bagi kesempurnaan hidup di dunia secara bermasyarakat ilmu *naqli* atau ilmu agama tidak mencukupi meskipun ia merupakan ilmu yang paling tinggi dalam pandangan Islam. Oleh yang demikian ilmu aqli perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap kepada ilmu agama. Dari dasar inilah munculnya perbuatan-perbuatan yang sesuai dengan kehendak Allah SWT dan Rasul SAW.

## RUJUKAN

- Abdullah Bin Muhammad Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim el-Muhammady. 1985. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. 1989. *Islamization of knowledge: general principle and workplan. Second Edition, revised and expanded*. Abdul Hamid Abu Sulayman. Washington DC: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *Islam dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978a. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978b. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib Al-Attas . 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Clark, C. M. & Peterson, P. L. 1986. Teachers' thought processes. Dlm. Wittrock, M. C. (pnyt.). *Handbook of Research on Teaching*, hlm. 255-296. Edisi ke-3. New York: Macmillan Publishing Company.
- Clark, E.T. Jr. 1993. Guidelines for designing a holistic school. Dlm Flake, C.L . *Holistic Education : Principles, perspectives and practices. A book of reading based on education 2000: A Holistic Perspectives*. Hlm 80-85. Brandon : Holistic Education Press.
- Gerber, A. Jr. 1984. Holistic perspectives on education: A proposed course for educators. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Studies Association. San Fransisco : Eric Reports. 4-9 Nov.
- Habsah Ismail. 2000. Kefahaman guru tentang konsep pendidikan bersepadu dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM). Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ingram, J.B. 1979. *Curriculum integration and lifelong education*. Oxford: Pergamon Press.
- Miller, J. & Glassner, B. 1987. *The 'Inside' and the 'Outside' : Finding Realities in Interviews*. London: SAGE Publications.
- Mohd Arip Kasmu. 2002. Pembangunan manusia menerusi penghayatan al-Quran:Harapan dan cabaran. *Prosiding Pendidikan dan Pembangunan Manusia*, hlm. 146-161.
- Mohd Arip Kasmu. 2000. Pemantapan akidah menerusi penghayatan sains dalam al-Quran.Tesis Dr. Fal.Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Kamal Hasan. 1985. Al-Quran dan sains. Kertas kerja Seminar falsafah dan sejarah Sains Islam. UKM 19-21 Julai 1985.
- Mohd. Kamal Hasan.1993. *Konsep Pendidikan Islam dan Matlamat Persekolahan Agama dan Arab di Malaysia dalam Pendidikan Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Musa Dai. 1993. Falsafah Pendidikan Negara dalam Pelaksanaan KBSM. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas. UKM Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Azis Nik Pa. 1994. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Nawi. 2015. Perjuang pendidikan dari kesepaduan ke Islamisasi. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Othman Lebar. 2012. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shaharir Mohamad Zain. 1987. Pendidikan Sains terkamir di peringkat universiti. Dlm. Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raof Dalip. (penyt.) Pendidikan Sepadu., hlmn 37-47. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahrin Awaluddin & Kamarulzaman Abd. Ghani. 2003. Pendidikan rohani dalam sistem pendidikan negara: Satu pemikiran semula. *Prosiding Pemikiran dalam Pendidikan*, hlm.42-51.
- Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raop Dalip. 1986. Pendidikan sepadu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2002a. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002b. *Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah, perguruan dan persekolahan*. Kuala Lumpur: Areana Ilmu (M) Sdn.Bhd.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. 2010. Kesepaduan falsafah sains al-Qur'an dalam kurikulum sekolah rendah sebagai asas pembentukan masyarakat hadhari di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 3: 23-41.
- Zawawi Ahmad. 1996. *Sains dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka